

**TAWARAN BIASISWA YAYASAN TERENGGANU  
PERINGKAT IJAZAH SARJANA (MASTER) & IJAZAH KEDOKTORAN (PHD)**

**Bidang Pengajian** : Pelbagai (Sains/Kejuruteraan/Perakaunan/Undang-Undang  
/Ekonomi/Sains Sosial)

**Pusat Pengajian** : Universiti Awam (UA) Dalam Negara

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

**A. SYARAT UMUM**

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
- ii. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih juga boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
- iii. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
- iv. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

**B. SYARAT KHUSUS**

**a) Program Sarjana (Master)**

- i. Lulus Ijazah Sarjana Muda dari universiti-universiti dan kursus yang diiktiraf (dalam dan luar negara) dengan mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.50 atau setaraf.
- ii. Telah mendapat tawaran dan telah mendaftar di universiti-universiti awam dalam negara.
- iii. Pengajian sepenuh masa dan tidak bekerja.

- iv. Berumur tidak melebihi 28 tahun semasa memohon.
- v. Bagi pemohon dari mod penyelidikan, pertimbangan hanya akan diberikan kepada calon yang telah melepasi peringkat **Proposal Defence**.

**b) Program Ijazah Kedoktoran (PhD)**

- i. Lulus Ijazah Sarjana (Mod Penyelidikan) atau CGPA 3.50 (Mod Kerja Kursus atau Campuran) dari universiti- universiti dan kursus yang diiktiraf (dalam dan luar negara).
- ii. Lulus Ijazah Sarjana Muda dari universiti-universiti dan kursus yang diiktiraf (dalam dan luar negara) dengan mendapat sekurang- kurangnya CGPA 3.00 (bidang Ikhtisas) dan 3.50 (bukan Ikhtisas)
- iii. Telah mendapat tawaran dan telah mendaftar di universiti-universiti awam dalam negara.
- iv. Pengajian sepenuh masa dan tidak bekerja.
- v. Berumur tidak melebihi 32 tahun semasa memohon.
- vi. Pertimbangan hanya akan diberikan kepada calon yang telah melepasi peringkat **Proposal Defence**.

**KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi pautan:

<https://ytpenajaan.terengganu.gov.my>